

Kemelut boleh beri kesan buruk

KUANTAN: Kemelut politik yang berterusan dalam Umno boleh menyebabkan keselamatan negara tergugat, kata Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, apa saja yang berlaku dalam Umno memberi kesan terus kepada negara kerana dasar Umno bukan saja untuk parti, malah ia turut menjadi dasar negara.

"Malangnya, perselisihan yang berlaku antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Tun Dr Mahathir Mohamad sekarang, memberi kesan buruk kepada Umno.

"Kita sekarang tidak memerlukan lagi pembangkang, sebab tugas itu sudah dibuat oleh ahli Umno sendiri," katanya berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri Bahagian Kuantan di sini, petang semalam.

Katanya, pembatalan jambatan bengkok dan penjualan MV Agusta yang dibuat kerajaan tidak langsung merugikan bangsa Melayu, malah ia mempertahankan kedaulatan negara dan menyelamatkan Proton.

"Kita perlu bercakap benar walaupun ia sesuatu yang pahit. Pak Lah mengarahkan semua pemimpin Umno turun ke bawah memberi penjelasan kepada rakyat.

"Kita batal jambatan kerana tidak mahu membekal pasir kepada Singapura dan tidak bersetuju ruang udara dibuka kepada tenteranya. Selain itu, negara juga terpaksa menghadapi kemungkinan disaman Singapura, jika kita memotong batang paip atas jambatan sekarang kerana ia ada dalam perjanjian pada 1960.

"MV Agusta dijual pula sebab menanggung hutang RM1.2 bilion tetapi ini tidak diceritakan kepada umum," katanya.

Mengulas dakwaan beliau individu yang berkuasa dalam pemerintahan negara, Khairy berkata:

"Jika benar saya berkuasa, sudah tentu ramai kawan saya menjadi menteri. Sekarang, ramai yang minta saya bisik-bisik dengan bapa mentua (untuk calonkan nama mereka) dan jika dikira, jumlahnya sudah melebihi 100.